

08/01/2002

Kekejaman Israel punca keganasan antarabangsa

Dzulkfley Zanudin

PERTEMBUNGAN dua tamadun dan agama besar dunia, Islam dan Kristian sejak dulu, bermula dengan Perang Salib yang menyaksikan pembentukan geopolitik negara Eropah, Asia Barat dan Afrika memang tidak pernah kunjung padam.

Disember ini, kedua-dua penganut agama itu masing-masing menyambut hari kebesaran masing-masing, bermula dengan umat Islam meraikan Aidilfitri tanda berakhir sebulan berpuasa sepanjang Ramadan, pertengahan Disember, diikuti Krismas, 25 Disember.

Banyak perkembangan menarik sekitar dunia yang mewarnai dan membayangi Aidilfitri dan Krismas kali ini, terutama perang yang masih berlarutan di bumi Afghanistan atas nama perang memerangi pengganas oleh kuasa besar, Amerika Syarikat serta api pergolakan yang menggegarkan Asia Barat terutama intifada Palestin menentang kezaliman, kekejaman dan keganasan tentera Israel.

Di Afghanistan, Washington melancarkan perang ke atas kerajaan Taliban di bumi gersang itu sejak 7 Oktober lalu kerana melindungi jutawan Arab Saudi dalam buangan, Osama bin Laden, konon kerana mendalangi serangan pengganas ke atas World Trade Center (WTC), New York dan Pentagon di Washington.

Bagaimanapun, setakat ini, Amerika menerusi Biro Siasatan Persekutuan (FBI) dan Agensi Perisikan Pusat (CIA) masih teraba-raba mencari bukti kukuh bagi menggaitkan Osama dan rangkaian pertubuhan al-Qaeda pimpinannya sehingga terpaksa menggunakan kaedah ganjaran kewarganegaraan bagi menarik pemberi maklumat asing di buminya sendiri.

Amerika tidak sabar-sabar menunggu siasatan selesai bagi membolehkan hukuman wajar dikenakan ke atas pihak terbabit dalam serangan ganas ke atas buminya, sebaliknya secara angkuh terus menggempur bumi Afghanistan sehingga menggulingkan kerajaan Taliban di Kabul, pada 13 November lalu.

Pejuang Taliban yang bertubi-tubi diserang yang akhirnya terpaksa menyerahkan senjata dan penguasaan mereka ke atas Kandahar kepada panglima tempatan, Mullah Naqibullah, 7 Disember lalu.

Osama pula, meskipun tidak mengakui secara langsung bertanggungjawab terhadap serangan 11 September lalu sudah menyatakan dalam kenyataannya sebelum ini bahawa serangan ke atas lambang ekonomi dan ketenteraan Amerika itu wajar.

Selama ini, Osama, seorang yang bangkit memberontak terhadap kuasa Barat, terutama Amerika Syarikat memberi alasan perjuangan jihadnya selama ini atas nama Islam, khususnya mengusir Amerika dari bumi Arab Saudi yang menempatkan tanah suci Islam, iaitu Makkah dan Madinah.

Osama kelahiran Yaman itu turut mendakwa dia berjuang demi Palestin berikutan dasar berat sebelah Washington dalam isu Asia Barat dengan menyebelahi kepentingan Israel, Zionis dan Yahudi serta menindas rakyat Palestin.

Namun begitu, pemimpin Palestin, Yasser Arafat tidak sudi dikaitkan langsung dengan perjuangan Osama, yang jelas memperlihatkan sikap terlalu memberi muka dan takut kepada keganasan, kezaliman dan kekejaman tentera Ariel Sharon yang terus bermaharajalela menjadikan rakyat Palestin korban ganasnya itu.

Keadaan berlainan pula dengan beberapa kumpulan pejuang di Palestin seperti Jihad Islam dan Hamas yang tidak henti-henti melancarkan serangan bom berani mati kerana hanya itu satu-satu cara mereka berdepan dengan kezaliman dan kekejaman tentera rejim Zionis.

Dalam perkembangan terbaru, 25 orang Yahudi menjadi korban tiga pejuang intifada Palestin dalam empat siri pengeboman berani mati dengan tiga dijalankan secara serangkai ke atas pusat hiburan malam di tengah-tengah Baitulmaqdis, 1 Disember lalu diikuti kejadian keempat ke atas sebuah bas awam di bandar pelabuhan Haifa di utara Israel, 12 jam kemudian.

Tanpa membuang masa, pemimpin Barat yang pro-Israel serta kerap termakan jarum dan tipu muslihat Yahudi, terutama Presiden Amerika, George W Bush dan Setiausaha Negaranya, Colin Powell, malah Setiausaha Pertahanannya yang celupar itu, Donald Rumsfeld secara terang-terangan membidas serta menyalahkan segala pergolakan di Asia Barat kepada Palestin dan Arafat.

Bush yang mengutuk serangan berani mati di Israel serta menuntut Arafat melakukan segalanya dalam bidang kuasanya untuk mengesan pihak bertanggungjawab.

Sambil menunjukkan simpati kepada Israel yang dipimpin pemimpin pelampau Yahudi, Sharon yang terkenal dengan jolokan "Penyembelih Sabra dan Shatilla" sempena pembunuhan beramai-ramai pelarian Palestin di Lubnan oleh tentera Yahudi pada 1982, Bush berkata masa sudah tiba untuk pembuat damai di Asia Barat bertindak bagi memerangi keganasan.

Powell pula berkata Arafat perlu mengambil tindakan positif dalam pergolakan terbaru di Asia Barat yang dianggapnya saat kebenaran.

Rumsfeld pula dengan nada lebih jahat mempersoalkan kewibawaan Arafat sebagai pemimpin yang kuat dan gagal mengawal keadaan di Palestin serta mempersenda konon Arafat tidak pernah mencapai sebarang kejayaan untuk sejarah Palestin.

Semua kenyataan melatah sebaik penderitaan dialami Israel jelas memperlihatkan Bush dan konco-konconya bersandiwara dan bermain wayang sebagaimana terkenalnya Amerika dengan dunia propaganda Hollywood.

Sekejap mereka menyatakan perubahan sikap Washington untuk mengiktiraf penubuhan sebuah tanah air Palestin kerana ingin menarik sokongan blok Arab dan Islam dalam perang menentang keganasan dan dalam ketika lain menggunakan saluran diplomatik untuk melanyak sehingga lembik kepemimpinan Arafat.

Selama ini, tidak pernah mereka menegur keras atau mengambil tindakan wajar bagi menghentikan kezaliman yang dilakukan tentera Yahudi serta perbuatan melampau oleh pemimpin Zionis setiap tiap rakyat Palestin menjadi korban peluru berpandu atau roket tentera Tel Aviv. Padahal nyawa dan darah penduduk Palestin sama saja merahnya dengan bani Israel yang tidak perlu dibezakan oleh Amerika.

Rejim Zionis tanpa perlu menunggu lama, terus bertindak bermula dengan membunuh lima penduduk Palestin menerusi gerakan ketenteraan. Hari-hari berikutnya menyaksikan lebih ramai rakyat Palestin menjadi korban kekejaman tentera Yahudi, yang mengisytiharkan perang terhadap Palestin.

Kenyataan selamba Bush yang menggambarkan sokongannya kepada gerakan ketenteraan Israel ke atas Palestin ekoran serangan pejuang berani mati itu jelas memperlihatkan sikap dan perasaan Washington selama ini dalam isu itu.

Dengan alasan Amerika menyokong tindakan Israel itu konon sekutunya mesti membantu menghapuskan keganasan di Asia Barat, padahal ia sebenarnya berpunca daripada Israel sendiri, sikap berat sebelah Washington itu sepatutnya membuka dengan luas mata pemimpin Islam tanpa terlalu mengikut telunjuk Bush.

Bush berkata kawan dan sekutunya di seluruh dunia mesti membantu membawa penganas ke muka pengadilan jika mereka mahukan keamanan di Asia Barat, padahal selama ini jelas sekali tentera Israel bertindak kejam dalam setiap gerakannya ke atas rakyat Palestin.

"Saya fikir rakyat Israel mahukan keamanan, tetapi kita tahu ada unsur di Asia Barat membenci cadangan damai dan sanggup menggunakan keganasan

untuk menggagalkan sebarang jenis proses damai," kata Bush.

Ditanya sama ada dia menyokong serangan Israel, Bush berkata: "Pada masa ini saya menyokong hakikat kita mesti menghapuskan keganasan bagi membolehkan kita kembali kepada proses damai."

"Mustahil bagi Israel untuk merundingkan proses damai selagi negara itu terus menghadapi keganasan," kata Bush.

Beberapa sekutu Amerika di Eropah secara tradisinya menyokong perjuangan Palestin dan lebih kritikal terhadap tindakan Israel menggunakan kekerasan ke atas penduduk Palestin berbanding Washington.

Kesatuan Eropah (EU) menyertai Amerika dalam mengakui hak Israel mempertahankan diri daripada keganasan dan meminta Arafat, menangkap pihak bertanggungjawab ke atas serangan berani itu.

Presiden Perancis Jacques Chirac pula mengutuk apa dianggapnya "putaran pelik keganasan" di Asia Barat serta membidas kerajaan Israeli kerana "memusnahkan apa yang tinggal pada Pihak Berkuasa Palestin (PA) dan Perjanjian Oslo".

Perancis ketika mengutuk serangan maut di Baitulmaqdis, katanya, turut secara terang-terang membidas kerajaan Israel kerana bertindak ke atas PA dan hasil Perjanjian Oslo.

Sewajarnya semua pihak sedar, sebarang kebangkitan intifada Palestin mahupun perjuangan kumpulan yang ditindas disebabkan tekanan yang dikenakan ke atas mereka oleh pihak berkuasa dan disokong kuasa besar.

Intifada Palestin yang bermula dengan batu beralih kepada bom kerana rakyat Palestin sudah muak dengan janji kosong bagi mewujudkan keamanan mutlak di bumi mereka yang dirampas secara haram oleh Israel.

Selama ini, Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Mary Robinson menyatakan sokongan bagi penubuhan negara Palestin dan berkata pengawas bebas perlu digunakan untuk menghentikan keganasan yang berpunca daripada angkara Israel di Asia Barat.

Malah, katanya, pendudukan wilayah Palestin oleh Israel itu sendiri menjadi duri dalam daging pencabulan hak asasi manusia serta perlu dihentikan.

Sejak beberapa minggu lalu, Amerika menyatakan sokongan untuk penubuhan negara merdeka Palestin dan berkata ia perlu menjadi perkara tunjang sebarang rundingan damai.

Seruan untuk negara merdeka itu dibuat ketika keghairahan desakan masyarakat antarabangsa agar diwujudkan keamanan berikutan serangan 11 September lalu di Amerika Syarikat.

Serangan penganas 11 September lalu yang mengorbankan lebih 4,000 nyawa turut menjadi tumpuan isu yang membahagikan dunia Islam dan Barat.

Malah, Liga Arab yang dianggotai 22 negara kesal dengan tanggapan dibuat dunia, terutama Barat yang menggaitkan Arab dan Islam dengan keganasan yang mana perkembangan itu boleh mencetuskan pertembungan ketamadunan.

Setiausaha Agung Liga Arab, Amr Moussa berkata dunia sekarang semakin diselubungi prasangka perkauman dan keagamaan yang negatif terhadap Arab dan Islam.

Berikutan itu, katanya, Liga Arab menubuhkan satu dana dengan permulaan AS41 juta (RM3.8 juta) sumbangan Presiden Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Zayed Sultan Al Nahyan bagi membiayai penyelidikan dan penerbitan untuk menganjurkan dialog antara tamadun.

Namun kita bimbang, keadaan tidak akan berubah selagi Israel terus dibiarkan berleluasa melakukan jenayah kemanusiaan dan penindasan ke atas umat Palestin yang menjadi punca kebanyakan kegiatan apa dianggap keganasan di dunia selama ini. Kenyataan itu kerap dinyatakan pemimpin dunia ketiga, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membicarakan isu keganasan yang dibangkitkan Amerika ketika bertindak terhadap kumpulan tertentu.

Pada hal hakikatnya, Israel itu sendiri ditubuhkan secara haram dengan tipu muslihat Zionis dan Barat, serta kini memperlihatkan betapa daifnya umat Arab Palestin sama ada beragama Islam atau Kristian, mahupun golongan sekular yang condong kepada perjuangan sosialis dan kiri, terpaksa mengalah kepada Sharon dan konco-konconya.

Kalau dikaji sikap Bush selama ini, jelas sekali presiden kelahiran Texas yang terkenal dengan imej dan budaya koboinya itu cuba bermain kata-kata bagi menagih simpati blok Islam dan Arab dalam perangnya menentang keganasan, bermula dengan buruan ke atas Osama dan kumpulan al-Qaeda yang bertaburan di 50 ke 60 negara seluruh dunia, termasuk di Eropah dan benua Amerika.

Apabila diperhati kepada gelagat dan keghairahan Washington serta sekutunya di Kesatuan Eropah (EU) dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) dalam gerakan memerangi pihak dianggap pengganas sudah pasti terserlah apa yang tersirat sebalik niat mereka selama ini.

Apa tidaknya yang kerap menjadi orang disyaki atau tahanan mereka ialah individu atau kumpulan Islam kononnya dikaitkan dengan pertubuhan al-Qaeda, selain geramkan perjuangan kumpulan pejuang seperti Hamas dan Jihad Islam di Palestin, sedangkan pengganas Barat atau Kristian dibiarkan berleluasa dengan perjuangan ganas mereka.

Lihatlah apa yang dilakukan oleh Tentera Republikan Ireland (IRA) yang dari semasa ke semasa melakukan serangan bom sedangkan Perdana Menteri Britain, Tony Blair tidak mampu melakukan apa-apa.

Jurang pergeseran antara pengikut mazhab Protestan dan Katolik terus meluas tanpa sebarang tindakan drastik yang mantap. Jelas sekali pemimpin Barat, terutama yang pro-Washington mengamalkan "kuman seberang laut nampak tapi gajah depan mata" buat-buat tidak pandang.

Begitu juga keganasan yang dilakukan kumpulan radikal dan lebih tepat disenaraikan pengganas seperti gerakan pemisah Basque (ETA) di Sepanyol, kumpulan neo-Nazi di Jerman, kumpulan gerila di Greece, selain kumpulan yang berselindung sebalik kegiatan jenayah dan pengedaran dadah di Itali, Belanda dan Perancis.

Sudah tiba masanya Barat, terutama Amerika membuka mata dan hati dengan luas dan ikhlas bagi bersikap tidak berat sebelah dalam sebarang isu antarabangsa membabitkan semua warga dunia tanpa mengira agama, fahaman politik mahupun warna kulit.

Dalam hal ini, sebagaimana kerap dibangkitkan pemimpin dunia ketiga seperti pemimpin Libya, Muammar Ghadafi, ibu pejabat PBB sepatutnya dipindahkan ke negara lain yang lebih berkecuali dan selesa diterima semua warga dunia.

Pada alaf baru dan menjelang tahun baru 2002, warga dunia, terutama PBB dan pertubuhan serantau seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu semakin matang dan ikhlas bertindak untuk membolehkan setiap insan di dunia berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah bagi mengetepikan segala jurang perkauman dan prasangka yang nampaknya sukar dikikis oleh Bara selama ini.

(END)